

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

# Memperkukuh kualiti akademik graduan **IPT Islam**

**K**eputusan penilaian Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2011 (SETARA 11) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, baru-baru ini menunjukkan 35 daripada 52 IPT tempatan mendapat Tier 5 iaitu Cemerlang.

Pelaksanaan SETARA 11 bertujuan meningkatkan kualiti, kebertanggungjawaban serta prestasi universiti dan kolej universiti di negara ini, selain memberi sumbangan dari segi jaminan kualiti serta meningkatkan keyakinan ibu bapa dan pelajar terhadap pengajian tinggi tempatan. Antara yang mendapat pengiktirafan ini ialah IPT berteraskan ilmu Islam iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Berada pada tahap yang setaraf dengan IPT awam dan swasta lain yang kebanyakan ditubuhkan jauh lebih awal daripadanya jelas menunjukkan bahawa USIM mampu bersaing di pentas akademik di negara ini.

Umum mengiktiraf bahawa IPT adalah institusi yang memiliki reputasi yang tersendiri dan harus dihormati kerana ia adalah sumber penyebar ilmu duniawi serta ukhrawi di tahap yang unggul.

Dalam usaha meneruskan kecemerlangan ini, USIM

memacu peranannya sebagai institusi akademik dengan pelbagai aktiviti akademik dan kokurikulum yang dibudayakan oleh pensyarah dan pelajarinya sepanjang tahun.

Aktiviti itu antara lain bertujuan membentuk dan memperkukuhkan kualiti bakal graduan yang akan bersaing dengan lulusan IPT lain dalam dunia kerjaya yang dilihat semakin mencabar.

Sejajar dengan perkembangan ilmu yang dinamik dan berterusan yang berlaku secara global, wujud keperluan untuk mempunyai IPT yang mapan dan mampu bergerak seiring dengan perubahan semasa, terutama IPT Islam rantau Asia Tenggara.

Bagi mencapai tujuan ini satu daripada aktiviti akademik ialah Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi

Islam 2012 (SeIPTI 2012) dianjurkan. Seminar itu membincangkan bukan saja isu tempatan, tetapi membabitkan peringkat rantau Asia Tenggara. Bagi merealisasikan penganjur bersama dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei dan Institut Studi Islam Darussalam (ISID), Indonesia.

Seminar itu diyakini berupaya menjadi satu medan pertemuan dalam merealisasikan matlamat kesepaduan idea dan perbincangan ilmiah di antara IPT Islam di Asia Tenggara tentang kekuatan, prospek dan cabaran yang perlu diharungi dalam dunia pengajian tinggi masa kini dan akan datang.

Selain itu, menjadi suatu harapan agar semua IPT Islam dapat menjadi sumber terbaik bagi menjana modal insan berkualiti selain mem-

bentuk ilmuan yang tinggi nilai kesarjanaannya untuk menjadi role-model dalam menggambarkan keindahan ajaran Islam.

Seminar SeIPTI 2012 yang bertema "Memperkasa Kegecilan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Serantau" ini mempunyai beberapa objektif. Antaranya, mewujudkan platform bagi perkongsian pengalaman dan ilmu untuk menjadi IPT Islam yang kompeten, dirujuk, dihormati dan berkeupayaan memimpin.

Mewujudkan kolaborasi akademik dalam kalangan sarjana secara terancang dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, kokurikulum, khidmat masyarakat dan pengkomersialan.

Selain itu, menjadi medium bagi meningkatkan inovasi, kreativiti dan transformasi IPT Islam untuk kepentingan

ummah khususnya di Asia Tenggara.

### Isu yang dibentangkan

- Konsep dan pelaksanaan integrasi ilmu di IPT Islam
- Metodologi pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam
- Pengajian Islam dan teknologi baharu
- Inovasi dalam pengajian tinggi Islam
- E-pembelajaran di IPT Islam
- Pembelajaran berasaskan masalah dan projek dalam pengajian tinggi Islam
- Impak globalisasi kepada pengajian tinggi Islam
- Pengajian Islam dan hubungan industri
- Kebolehpasaran graduan IPT Islam
- Penyelidikan dan pembangunan, penerbitan dan pengkomersialan di IPT Islam
- Kepimpinan Mahasiswa di IPT Islam

### Ucuptama

Beberapa pemimpin dan pentadbir IPT Islam serta tokoh ilmuan antarabangsa dan tempatan akan membentangkan pelbagai isu mengikut pemikiran dan perspektif masing-masing. Lebih 70 kertas kerja akan dibentangkan oleh ahli akademik, pentadbir akademik, penyelidik tempatan dan antarabangsa.

Peserta seminar terbabit berpeluang berkongsi dengan pembentang mengenai pelbagai maklumat terkini yang diperoleh hasil daripada penyelidikan, inovasi dan kreativiti masing-masing.

Perkongsian ilmu melalui persidangan seumpama itu mampu memberi manfaat kepada IPT Islam serantau dalam usaha mengangkat martabat dan memajukan agama dan umat Islam.